



TOKOH TERBILANG: Abdullah menerima anugerah ijazah doktor kehormat pemikiran Islam Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah daripada Dr Azyumardi, di Jakarta, semalam.

# Negara Islam perlu bersatu desak PBB

## Konflik sukuan lemahkan kita bagi menghadapi Israel: PM

Daripada Hishamuddin Aun

**J**AKARTA: Negara Islam hendaklah terus mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar segera mengisytiharkan gencatan senjata, mengerah satu pasukan pengaman di bawah naungannya serta menghalang pencerobohan terhadap Lubnan oleh Israel.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata adalah jelas umat Islam tidak berupaya menyekat pencerobohan ke atas Lubnan bersendirian, lantas memerlukan negara Islam bergabung dengan satu suara bagi membantu rakyat negara itu yang semakin hari semakin menderita.

Sambil menyifatkan serangan itu membayangkan satu lagi rentetan sedih dalam isu moral berkaitan pengendalian hal ehwal antarabangsa, Perdana Menteri berkata, adalah sesuatu yang amat malang kerana masyarakat antarabangsa tidak berupaya bertindak balas dengan cara sepatutnya.

"Adalah jelas umat Islam tidak mampu menghalang pencerobohan ke atas Lubnan bersendirian angkara konflik sukuan yang melemahkan kita di samping menjadi sebab utama perpecahan ummah.

"Dalam pada itu, marilah kita meninjau ke dalam diri kita dan mengerah kekuatan dalaman kita untuk kita memutuskan bagi melakukan sesuatu (bagi membantu) berkaitan Lubnan," katanya dalam ucapan balas selepas dianugerahkan gelaran doktor kehormat bidahg pemikiran Islam di Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah di sini, semalam.

Anugerah itu disampaikan rektor universiti berkenaan, Prof Dr Azyumardi Azra, sebagai mengiktiraf sumbangan Perdana Menteri dalam pembangunan kerjasama budaya dan pplitik antara Malaysia dengan Indonesia khususnya bagi pengukuhan jaringan hubungan masyarakat Islam di kedua-dua negara.

*"Agak jelas kuasa veto sedang dipraktikkan bukan saja di koridor PBB tetapi juga di Timur Tengah sendiri"*

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

Serentak itu, beliau turut merasmikan Konvensyen Islam Hadhari yang dianjurkan universiti berkenaan. Turut hadir ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Dalam ucapan bertajuk 'Islam, Modernisasi dan Globalisasi', Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC) menghuraikan dengan panjang lebar masalah serta cabaran yang dihadapi umat Islam di seluruh dunia hari ini dengan tafsiran Barat yang salah terhadap agama itu dan umatnya.

Katanya, ketegangan yang meningkat antara dua tamadun besar dunia menuntut agar negara Islam dan ummah terus diperkuatkan sambil serangan ke atas Lubnan hendaklah dianggap sebagai pembuka mata terhadap perlunya langkah itu disegerakan.

Perdana Menteri berkata, dengan merosotnya hubungan akrab dengan negara Barat yang menganut Kristian, pendekatan Islam Hadhari didapati semakin relevan bagi memenuhi tuntutan masa kini.

"Masyarakat antarabangsa tidak pun berupaya untuk bertindak balas. Malah, PBB yang menjadi harapan terbaik kita terhadap keamanan dan keselamatan antarabangsa, se-

akan-akan lumpuh dan tidak bermaya.

"Agak jelas kuasa veto sedang dipraktikkan bukan saja di koridor Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi juga di negara Timur Tengah sendiri," katanya.

Pada waktu seperti ini, kata Perdana Menteri, keperluan untuk negara Islam dan umatnya diperkuatkan kini menjadi semakin mendesak daripada sebelumnya.

"Negara Islam hendaklah mengguna pakai satu garis panduan utuh terhadap pembangunan ummah secara menyeluruh yang seharusnya meliputi pembangunan modal insan melalui pendidikan dan pembangunan komprehensif ekonomi.

"Saya percaya Islam Hadhari amat relevan dengan keperluan masa kini," katanya sambil sekali lagi menekankan bahawa Islam Hadhari bukan satu agama atau mazhab baru, sebaliknya satu pendekatan sesuai dengan modenisasi selain berupaya menyumbang terhadap globalisasi.

Abdullah berkata, pendekatan itu bukan bertujuan untuk tunduk atau mengikut kemahuan Barat tetapi bagi mewujudkan kesaksamaan antara negara Islam dengan Barat.